

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah terbaru yang di ambil oleh Kementerian dalam menaikkan harga komoditi getah dan kelapa sawit dan apakah program bantuan untuk pekebun kecil yang terlibat dalam komoditi ini dan senaraikan pasaran negara baru yang membeli komoditi ini dari Malaysia.

**JAWAPAN**

1. Langkah Terkini Menstabilkan Harga Komoditi Sawit dan Getah:
  - (i) Meningkatkan eksport dan mengurangkan stok melalui pengecualian duti eksport minyak isirong sawit mentah (CPKO) dan minyak isirong sawit diproses (RBDPKO) bagi syarikat-syarikat yang memenuhi kriteria permohonan. Kesannya, harga CPO telah kembali stabil dan menunjukkan arah aliran peningkatan bermula Jun 2020 sehingga kini.
  - (ii) Melaksanakan persijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk menjenamakan minyak sawit Malaysia yang mampan dan berkualiti. Persijilan MSPO adalah mandatori bermula 1 Januari 2020.

## NO.SOALAN : 15

- (iii) Meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara melalui pelaksanaan Program Biodiesel Negara iaitu program B10 di sektor pengangkutan dan program B7 di sektor industri (tahun 2019) serta program B20 di sektor pengangkutan (tahun 2020).
- (iv) Memperkukuh kerjasama strategik bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (*Council of Palm Oil Producing Countries - CPOPC*). Untuk makluman, mesyuarat CPOPC ini akan diadakan pada 4 Disember 2021 di Jakarta dan akan turut disertai oleh 4 negara lain iaitu Honduras, Columbia, Papua New Guinea dan Ghana.
- (v) Bagi sektor getah, meningkatkan penggunaan dalam negara melalui penggunaan getah (*Cuplump Modified Bitumen*) dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan pelbagai produk baharu bernilai tambah tinggi seperti *seismic bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain; dan
- (vi) Memperkukuhkan kerjasama antarabangsa di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* yang dianggotai oleh negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia. Di antara inisiatif yang dilaksana oleh ITRC adalah *Supply Management Scheme* bagi mengawal pengeluaran getah asli agar tidak melebihi jangkaan permintaan getah asli pada masa akan datang dan *Agreed Export Tonnage Scheme* bagi mengawal kuota eksport getah asli supaya harga tidak jatuh merudum.

### 2. Bantuan yang disediakan untuk pekebun kecil:

Antara program bantuan yang sedang disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu pekebun kecil khususnya pekebun kecil persendirian. Bagi pekebun kecil sawit, antara bantuannya termasuklah:

- Bantuan Pensijilan MSPO;
- Skim Bantuan Integrasi Tanaman (ITa);
- Skim Bantuan Integrasi Ternakan (ITe);

- Skim pembiayaan mudah untuk pekebun kecil melaksanakan aktiviti tanam semula sawit (TSPKS);
- Skim pembiayaan bagi pembelian input pertanian seperti baja sebatian (IPPKS);
- Skim Bantuan Tanaman Kontan B40 – TKB40; dan

Manakala bagi pekebun kecil getah, antara bantuannya adalah:

- Mekanisme sokongan harga iaitu Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan paras pengaktifan harga (PHP) RM2.50 sekilogram;
- Program Insentif Pengeluaran Lateks (IPL); dan
- Peningkatan kadar bantuan tanam semula getah melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) daripada RM13,500 sehektar di Sarawak kepada RM14,805 sehektar bermula tahun 2021.

3. Senarai Pasaran Baharu:

Antara pasaran baharu bagi komoditi sawit adalah negara seperti Republik Congo, Antartica, Cocos Island dan Bahamas dengan jumlah eksport hampir RM 42 juta pada tahun 2020. Manakala bagi sektor getah pula adalah negara-negara seperti Christmas Island, Curaco dan Niger dengan jumlah eksport RM 1.23 juta.

Selain itu juga, pihak Kementerian sentiasa berusaha memperluaskan pasaran produk sawit Malaysia ke Benua Afrika, negara Timur Tengah, Benua Amerika selain turut memberi fokus bagi memperkukuhkan pasaran sedia ada seperti di Pakistan, Turki, negara-negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.